

UniMAP Didik Pelajar Sekolah Minat Sains



Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) terus mengambil langkah pro-aktif dalam membudayakan Sains dan Teknologi terutama di kalangan generasi muda dalam usaha meningkatkan minat dan penyertaan pelajar sekolah dalam bidang tersebut. Terbaru, delegasi penyelidik UniMAP yang diketuai oleh Naib Canselornya, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin berkunjung ke Sekolah Kebangsaan Sungai Petani (SKSP) khusus untuk membolehkan pelajar melihat dan mempelajari Sains dengan kaedah yang lebih santai. Selain itu, program yang dikendalikan di bawah naungan Persatuan Penyelidikan dan Inovasi Malaysia (MyRIS) dan UniMAP Holdings itu juga turut dikukuhkan lagi menerusi perjanjian surat hasrat (LOI) antara kedua-dua pihak.

Majlis Menandatangani Surat Hasrat (LOI) antara UniMAP dan SKSP disaksikan oleh Setiausaha Sulit kepada Y.A.B Menteri Pendidikan Malaysia, Mohd. Nizar Hj Sudin. Sepanjang program tersebut, pelajar-pelajar tahun satu hingga enam SKSP telah didedahkan dengan teknik dan perancangan dalam melaksanakan inovasi di peringkat sekolah rendah selain turut didedahkan dengan pengaturcaraan dan pembinaan set robotik.